




METRO AHAD



GAMBAR percutian di luar negara.



DARI kiri, Dr Shahrir, Dr Shahrir, Dr Huda, Lennie dan Izhah di Fakulti Kejuruteraan Alam Bina UKM.

KELUARGA TERCERDIK

■ Tiga miliki PhD dalam kejuruteraan sementara dua lagi bakal menyusul

Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@metro.com.my

Bangi

Dua bergelar profesor, seorang profesor madya sementara dua lagi ketika ini sedang menyusul untuk memiliki ijazah doktor falsafah (PhD).

Pencapaian luar biasa lima anak kepada pasangan Lamshiah @ Raihal Muda, 70, dan Allahyarham Abdullah Abdul Rahman menerusi bidang kejuruteraan dimulai Dr Shahrir Abdullah, 49, apabila berjaya melengkapkan PhD pada usia 27 tahun sebelum menjadi ikutan saudara yang lain iaitu, Dr Shahrir, 47, Dr Huda, 44, Izhah, 42, dan Lennie, 38.

Dr Shahrir ketika zaman pengajian ijazah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) antara pelajar cemerlang apabila berjaya meraih anugerah dekan bagi semua tahun semesta pengajian biasa dan memperoleh ijazah kelas pertama dalam kejuruteraan mekanikal.

Dr Shahrir yang juga Profesor di Pusat Rekabentuk Bersepadu untuk Sistem Mekanikal Ter maju (PRISMA) UKM turut beroleh pencapaian dan anugerah sama bagi enam semester di universiti sama, di samping pe-

“Saya akan menemani mereka mengulangkaji pelajaran setiap malam. Selewat manapun mereka berjaga, saya akan tunggu”
Lamshiah @ Raihal Muda

nerima Anugerah Pelajaran DiRaja UKM 1995.

Sementara itu, anak ketiga pasangan itu, Dr Huda adalah Pensyarah di Pusat Kejuruteraan Elektronik dan Komunikasi Terkehadapan (PAKET), UKM pernah dianugerahkan *Loreal for Women in Science (FWIS)* peringkat kebangsaan oleh *Loreal Malaysia* pada 2007. Izhah pula ketika ini sedang menyiapkan tesis PhD dalam bidang Mikroelektronik di Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN). Anak bongsu pasangan berkenaan, Lennie pula memiliki ijazah sarjana bakal menyambung pengajian pada peringkat kedoktoran tidak lama lagi dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal mulai September ini di UKM.

Menurut Lamshiah, berkat didikan tegas suaminya yang juga pernah menjadi guru disiplin di peringkat sekolah menengah di Kuala Tereng-

ganu menjadi faktor utama menyumbang kepada kejayaan anaknya sekarang.

“Arwah sebelum meninggal berpesan kalau boleh dia mahu anaknya mengenggam sekurang-kurangnya sarjana. Saya pula mahu seorang daripada lima ini menjadi doktor perubatan.

“Meskipun hasrat itu tidak kesampaian, mereka masih tunaikan impian itu dengan memegang gelaran doktor pada pangkal nama mereka,” katanya.

Tambah Lamshiah, dia yang juga guru mengaji berkata, antara lain ialah mewajibkan amalan solat jemaah bersama seisi keluarga pada malamnya.

“Ketika mereka kecil dan tinggal di rumah, setiap kali waktu Maghrib dan Isyak, saya mewajibkan mereka solat berjemaah. Mereka tidak dibenarkan berkeluaran dengan sebarang orang.

“Selain itu, saya akan menemani mereka mengulangkaji pelajaran setiap malam. Selewat manapun mereka berjaga, saya akan tunggu hingga mereka selesai,” katanya.

Kata Lamshiah biarpun anaknya mengikuti pelajaran dalam aliran Sains dan kini berjaya menjadi ahli akademik terutama dalam kejuruteraan, suaminya pendidik dalam bidang

berlainan.

“Suami saya ialah guru Bahasa Melayu dan Sastera. Tetapi, tidak pula dia mahu anak mengikut jejak langkahnya kerana baginya ketika itu masa depan dalam aliran Sains lebih cerah,” katanya.

Dr Shahrir yang juga Dekan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina UKM berkata, arwah bapanya sentiasa meminta dia serta saudaranya yang lain menghafal sifir dan melatih diri mencongak penyelesaian masalah matematik seawal usia enam tahun.

“Masuk sekolah rendah kami sudah boleh menghafal sifir 16 dan ia satu perkara yang wajib bagi kami. Selam itu bapa sering menguji ke mahiran mengongak dengan soalan Matematik. Kadangkala soalan diberikan melangkaui tahap umur saya.

“Sekarang baru kami faham tujuan dia melatih kami dengan rutin sedemikian sebenarnya membiatkan otak kami terbiasa dengan memori grafik membolehkan kerja penyelesaian menjadi mudah.

“Tanpa sedar ketika itu saya mempunyai kelebihan berbanding rakan lain apabila dapat menyelesaikan masalah matematik dengan pantas,” katanya.

Sementara itu, bagi Dr Huda, dia dan adik beradik lain bukan dilahirkan dengan kebijaksanaan sejak lahir. Selalunya Dr Shahrir dan Dr Shahrir, kepurusan akademik ketika menengah rendah hanyalah sederhana.

“Kalau orang kata kamu ini lahir saja terus jadi bijak pandai rasanya tidak tepat. Berpujian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) saya dan adik saya agak rendah berbanding abang saya,” katanya.



LAMSHIAH (tengah) bersama anak dan cucu pada hari raya.



DR Shahrir ketika konvokesyen di UKM lebih 20 tahun lalu bersama ahli keluarga.